**NO SOALAN :67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **DARIPADA** | : | **Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN (BATU SAPI)** |
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **TARIKH** | : | **02.04.2015** |

**Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN [ BATU SAPI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan-kesan daripada kejatuhan harga minyak mentah dan cara-cara penyelesaian masalah-masalah yang diakibatkan oleh kejatuhan harga minyak mentah ini.

**JAWAPAN**

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia serta kelembapan ekonomi global dan serantau boleh memberi kesan kepada ekonomi negara. Namun demikian, kejatuhan harga minyak tidak memberi

Sebagai contoh, Proton Exora, Preve, Suprima S dan Iriz dilengkapi dengan teknologi keselamatan seperti, dengan izin:

- Anti-lock Braking System (ABS)
- Electronic Brakeforce Distribution (EBD)
- Brake Assist (BA)
- Traction Control System (TCS)
- Electronic Stability Control (ESC)

Ia juga mempunyai:

- Kelengkapan beg udara sehingga 6 unit;
- Tali pinggang keselamatan dan pelekap ISOFIX untuk memasang tempat duduk keselamatan kanak-kanak;
- Dengan izin, *whiplash protection headrests* iaitu sejenis teknologi berupaya menyerap hentakan di leher sekiranya kemalangan berlaku; dan
- Pelbagai ciri-ciri lain yang biasanya hanya dilihat pada kereta import bertaraf premium.

Ciri-ciri model Proton ini digabung juga dengan ciri pemanduan dan pengendalian Lotus (*Lotus ride & handling*) yang mencetus prestasi unit serta memberikan mutu yang memuaskan dan menyeluruh. Kemampuan ini membolehkan PROTON merangkul beberapa pengiktirafan antarabangsa, antaranya menerima penarafan 5 bintang oleh Australasian New Car Assessment Program (ANCAP) dan ASEAN NCAP.